

Ruj. Kami : ISNM. 500-3/3/2 JLD.3 (II)

Tarikh : 26 Julai 2023

PUAN YOKESHWERY A/P MUNIANDY

M-4-14, Pangsapuri Uda Fasa 4A

Tanjong Tokong

10470 Georgetown

PULAU PINANG

Salam Sejahtera Puan,

TAWARAN PEMBELIAN PERKHIDMATAN SECARA KONTRAK UNTUK PERKHIDMATAN (CONTRACT FOR SERVICE) DI INSTITUT SUKAN NEGARA MALAYSIA

Dengan hormatnya saya merujuk perkara di atas.

2. Sukacita dimaklumkan bahawa Institut Sukan Negara (ISN) telah bersetuju membeli perkhidmatan puan secara Kontrak Untuk Perkhidmatan (*Contract For Service*) di Institut Sukan Negara Malaysia dengan bayaran perkhidmatan sebanyak **RM3,779.00** sebulan berkuat kuasa **1 Ogos 2023** hingga **31 Disember 2024**.

3. Tawaran ini adalah tertakluk kepada syarat-syarat pelantikan yang ditetapkan seperti dalam Perjanjian yang disertakan. Selain itu, selaras dengan peraturan pelantikan yang ditetapkan, tuan juga tertakluk kepada syarat-syarat seperti berikut :-

- (i) Membuat Akuan Sumpah Berkanun bahawa puan tidak mempunyai apa-apa rekod jenayah dan bukan seorang penagih dadah;
- (ii) Menandatangani Surat Perakuan berkenaan Akta Rahsia Rasmi 1972; dan
- (iii) Mengemukakan Surat Setuju Terima Tawaran.

..2/

ISNM. 500-3/3/2 JLD. 3 (1)

4. Sekiranya puan bersetuju dengan tawaran ini, kerjasama puan adalah dipohon untuk menandatangani Surat Setuju Terima Tawaran dan Perjanjian (*Contract For Service*) tersebut dan mengembalikan ke Cawangan Sumber Manusia, ISN sebelum atau pada **1 Ogos 2023** untuk tindakan selanjutnya.

Sekian, terima kasih.

“MALAYSIA MADANI”

“BERKHIDMAT UNTUK NEGARA”

Saya yang menjalankan amanah,



(AHMAD FAEDZAL BIN MD RAMLI)
Ketua Pegawai Eksekutif
Institut Sukan Negara



**PERJANJIAN PEMBELIAN PERKHIDMATAN SECARA KONTRAK UNTUK
PERKHIDMATAN (CONTRACT FOR SERVICE) DI INSTITUT SUKAN NEGARA**

Perjanjian ini diperbuat pada _____ hari bulan _____ tahun **2023**.

Di antara

Institut Sukan Negara Malaysia

Dan

Nama : **PUAN YOKESHWERY A/P MUNIANDY**
Nombor Kad Pengenalan : **911013-07-5114**

Jawatan	PEGAWAI PEMULIHAN PERUBATAN (GRED 41)
Bahagian/ Cawangan	CAWANGAN REHABILITASI SUKAN, BAHAGIAN PERUBATAN SUKAN
Kumpulan	PENGURUSAN DAN PROFESIONAL
Tempoh Perkhidmatan	1 OGOS 2023 HINGGA 31 DISEMBER 2024
Bayaran Perkhidmatan	RM RM3,779.00

Perjanjian ini dibuat pada hari bulan dan tahun seperti yang dinyatakan di atas.

DI ANTARA

INSTITUT SUKAN NEGARA MALAYSIA ("Institut"), sebagai satu pihak yang ditubuhkan di bawah Akta Institut Sukan Negara 2011 (Akta 729) dan mempunyai pejabat di Kompleks Sukan Negara, Bukit Jalil, 57000 Kuala Lumpur.

Dan

Orang yang mempunyai nama dan butiran seperti yang dinyatakan di muka surat 1 Perjanjian ini ("Pekerja") sebagai pihak yang satu lagi.

(Institut dan Pekerja boleh dirujuk secara berasingan sebagai 'Pihak' atau bersesama sebagai 'Pihak-Pihak').

BAHAWASANYA:

Institut berhasrat untuk membeli perkhidmatan dan Pekerja bersetuju berkhidmat di bawah kontrak itu tertakluk kepada terma dan syarat perkhidmatan *Contract For Service* yang dinyatakan dalam Perjanjian ini.

MAKA DENGAN INI ADALAH DIPERSETUJUI SEPERTI BERIKUT:

1. Tafsiran

Dalam Perjanjian ini, melainkan jika konteksnya menghendaki makna yang lain "Institut" ertinya Institut Sukan Negara Malaysia.

2. Skop Pemberian Perkhidmatan Dan Bayaran

- 2.1 Pekerja adalah bertanggungjawab untuk melaksanakan apa-apa tugas yang akan ditetapkan dari semasa ke semasa oleh Institut, mengikut keperluan Institut.
- 2.2 Sebagai balasan, Institut bersetuju untuk membayar perkhidmatan Pekerja mengikut jumlah bayaran dan mengikut terma dan syarat seperti yang dinyatakan dalam Perjanjian ini atau surat tawaran pelantikan secara *Contract For Service*.

3. Tempoh Perkhidmatan

- 3.1 Tertakluk kepada terma dan syarat di dalam Perjanjian ini, tempoh perkhidmatan Pekerja adalah sepertimana dinyatakan di dalam Surat Tawaran Pembelian Perkhidmatan Secara Kontrak Untuk Perkhidmatan (*Contract For Service*) di Institut Sukan Negara.
- 3.2 Institut merizabkan hak untuk melanjutkan atau memendekkan tempoh perkhidmatan Pekerja sekiranya diperlukan.

4. Waktu Bekerja

Waktu Bekerja adalah berdasarkan Garis Panduan Pelaksanaan Waktu Bekerja (WB) di Institut Sukan Negara yang berkuat kuasa dari semasa ke semasa (**Sila rujuk submodul Akta & Pekeliling di Sistem Pengurusan Sumber Manusia (SPSM)**).

5. Cukai Pendapatan

Pekerja adalah bertanggungjawab membayar sendiri cukai pendapatan yang dikenakan.

6. Caruman Berkanun

Pekerja dikehendaki mencarum kepada Kumpulan Wang Simpanan Pekerja (**KWSP**) dan Pertubuhan Keselamatan Sosial (**PERKESO**) mengikut kadar yang ditetapkan.

7. Pegawai Penyelia

- 7.1 Institut boleh melantik atau mengarahkan seorang atau lebih Pegawai Penyelia bagi maksud pengawasan pelaksanaan Perjanjian ini serta membuat pengesahan bahawa pelaksanaan tugas telah dijalankan seperti yang ditetapkan oleh Institut mengikut Subfasal 2.1 Perjanjian.
- 7.2 Pelantikan Pegawai Penyelia itu boleh ditentukan oleh Institut mengikut keperluan dan kesesuaiannya.
- 7.3 Pegawai Penyelia mempunyai hak pada bila-bila masa untuk memeriksa, menyelia, meneliti dan memberi arahan yang perlu mengenai perkhidmatan yang diberikan oleh Pekerja sebagaimana yang ditetapkan mengikut Subfasal 2.1 Perjanjian.

8. Tanggungjawab Pekerja

Pekerja hendaklah:

- 8.1 mematuhi arahan penempatan di mana-mana sahaja tempat di Malaysia yang ditentukan oleh Institut;
- 8.2 melaksanakan tugas-tugas yang ditetapkan kepadanya oleh Institut dan apa-apa kewajipan lain yang diarahkan oleh Institut;
- 8.3 melaksanakan apa-apa arahan atau tugas yang ditetapkan oleh Institut atau mana-mana Pegawai Penyelia dan Pekerja tidak boleh melaksanakan tugas lain melainkan dibenarkan oleh Institut atau mana-mana Pegawai Penyelia;
- 8.4 menumpukan segala masa dan perhatian kepada tugas yang diberikan dan berusaha sedaya upaya untuk menjaga kepentingan dan nama baik Institut;
- 8.5 pada setiap masa, sama ada dalam atau selepas Tempoh Perkhidmatan, menjaga kerahsiaan dan tidak membocor apa-apa maklumat berkenaan dengan hal-ehwal Institut kepada sesiapa juga yang tidak diberi kebenaran menerimanya;
- 8.6 tidak boleh, sama ada secara langsung atau tidak, mengambil bahagian atau bekerja dalam apa-apa juga perkhidmatan pun atau urusan yang lain, ataupun menerima apa-apa komisen atau bayaran tanpa terlebih dahulu mendapat persetujuan bertulis daripada Institut;
- 8.7 menurut dan menjalankan, setakat mana ia boleh dipakai dan tidak bertentangan dengan Perintah Am, Arahan Kewangan atau lain-lain Peraturan Perkhidmatan Awam yang berkuat kuasa dari semasa ke semasa;
- 8.8 menurut dan mematuhi undang-undang Kerajaan Malaysia dan juga undang-undang dan peraturan Institut yang berkaitan dengan tingkah laku dan disiplin

termasuk apa-apa pindaan, semakan dan/atau perubahan yang dilakukan dari semasa ke semasa; dan

8.9 menandatangani borang berkenaan dengan Akta Rahsia Rasmi 1972.

9. Tanggungjawab Institut

Institut hendaklah dalam Tempoh Perkhidmatan itu:-

- 9.1 membayar kepada Pekerja bayaran perkhidmatan mengikut kadar yang ditetapkan dalam Perjanjian atau Surat Tawaran Pelantikan secara *Contract For Service* atau secara berkadar (*proportionate*);
- 9.2 membayar kepada Pekerja apa-apa tuntutan berbentuk kemudahan yang layak diterima oleh Pekerja seperti ditetapkan dalam Perjanjian atau Surat Tawaran Pelantikan secara *Contract For Service*;
- 9.3 memberi kepada Pekerja pelepasan daripada bertugas bagi suatu tempoh tertentu tertakluk kepada jumlah cuti rehat yang ditetapkan dalam Perjanjian atau Surat Tawaran Pelantikan secara *Contract For Service*; dan
- 9.4 memberi kepada Pekerja pelepasan daripada bertugas kerana sakit bagi suatu tempoh (dengan pembuktian sijil cuti sakit) tertakluk kepada jumlah yang ditetapkan dalam Perjanjian atau Surat Tawaran Pelantikan secara *Contract For Service*.

10. Ketidakupayaan Pekerja

Sekiranya seseorang Pegawai Perubatan Kerajaan yang dibenarkan oleh Kerajaan untuk memeriksa Pekerja memperakukan dengan cara bertulis bahawa pada pendapatnya Pekerja tidak berupaya memberi perkhidmatan yang cekap selanjutnya kepada Institut oleh sebab apa-apa kerosakan akal fikiran atau tubuh badan dan bahawa ketidakupayaannya itu disebabkan oleh kesalahan, kelalaian atau kekurangan pertimbangan (*indiscretion*) Pekerja itu sendiri, maka perkhidmatan Pekerja di bawah Perjanjian ini hendaklah oleh sebab itu ditamatkan oleh Institut. Pekerja tidaklah selepas itu berhak mendapat apa-apa bayaran perkhidmatan dan kemudahan melainkan yang sebenarnya Pekerja berhak mendapat kerana perkhidmatannya sebelum Perjanjian ini ditamatkan di bawah fasal ini.

11. Penamatan Perjanjian oleh Institut

11.1 Penamatan Melalui Notis

Institut boleh menamatkan perkhidmatan Pekerja pada bila-bila masa atas apa-apa sebab yang difikirkan wajar oleh Institut tanpa memberi apa-apa alasan dengan memberikan satu (1) bulan notis bertulis atau membayar sebulan gaji sebagai ganti notis.

11.2 Penamatan Disebabkan Penyakit Kritikal

Sekiranya seseorang Pegawai Perubatan yang berdaftar dengan Kerajaan mengesahkan secara bertulis bahawa Pekerja telah menghidap penyakit kritikal atau penyakit-penyakit lain yang menyebabkan Pekerja hilang keupayaan bekerja biasa secara kekal, kontrak perkhidmatan Pekerja boleh ditamatkan dengan memberi satu (1) bulan notis.

- 11.3 Tanpa menjejaskan hak lain di bawah Perjanjian ini, Institut boleh menamatkan Perjanjian ini atas sebab-sebab yang berikut:-
- (i) Pekerja didapati melibatkan diri dan mengakses kepada maklumat terperingkat atau disyaki membocorkan rahsia Institut/Kerajaan;
 - (ii) suatu perintah kebangkrapan telah dibuat terhadap Pekerja;
 - (iii) membocorkan apa-apa maklumat berkenaan dengan hal ehwal Institut/Kerajaan kepada sesiapa jua yang tidak berkuasa menerimanya;
 - (iv) Pekerja didapati terlibat dengan apa-apa kes jenayah atau kesalahan dadah atau didapati mempunyai rekod jenayah atau kesalahan dadah atau mempunyai rekod dikenakan tindakan tatatertib dengan hukuman buang kerja;
 - (v) cuai atau enggan atau tidak mematuhi apa-apa perintah yang diberikan oleh seseorang Pegawai Institut yang berkuasa ke atasnya;
 - (vi) Pekerja telah gagal hadir bertugas tiga (3) hari berturut-turut tanpa alasan yang munasabah;
 - (vii) perkhidmatan yang diberikan oleh Pekerja tidak mencapai standard yang ditetapkan oleh Institut; dan
 - (viii) dengan apa-apa jua cara berkelakuan atau tidak mematuhi syarat Tawaran Perkhidmatan *Contract For Service* atau mana-mana peraturan Perjanjian ini.
- 11.4 Penamatan yang dibuat di bawah Subfasal 11.3 (i),(ii),(iii) dan (iv) adalah berkuat kuasa secara serta-merta dengan Institut memberikan suatu notis bertulis kepada Pekerja.
- 11.5 Penamatan yang dibuat di bawah Subfasal 11.3, selain yang dinyatakan dalam Subfasal 11.4 hendaklah dibuat dengan memberikan notis bertulis selama tujuh (7) hari kepada Pekerja.
- 11.6 Walau apa pun peruntukan Subfasal 11.3, 11.4 dan 11.5, Institut boleh menamatkan perkhidmatan Pekerja pada bila-bila masa atas apa-apa sebab yang difikirkan wajar oleh Institut tanpa memberi apa-apa alasan dengan memberikan satu (1) bulan notis bertulis.
- 11.7 Sekiranya Institut menamatkan perkhidmatan Pekerja mengikut peruntukan Subfasal 11.4 ini, segala bayaran perkhidmatan Pekerja dan kemudahan yang layak (jika ada) di bawah Perjanjian ini hendaklah luput dan tamat dengan serta-merta.
- 11.8 Sekiranya Institut menamatkan perkhidmatan Pekerja mengikut peruntukan Subfasal 11.6, bayaran perkhidmatan serta kemudahan (jika ada) perlu dituntut oleh Pekerja dalam tempoh tiga puluh (30) hari dari tarikh berkuat kuasanya penamatan perkhidmatan Pekerja. Apa-apa tuntutan yang dibuat selepas tempoh tersebut tidak akan dibayar oleh Institut.

12. Penamatan Perjanjian oleh Pekerja

- 12.1 Pekerja pada bila-bila masa boleh berhenti daripada perkhidmatan dengan memberikan notis bertulis yang menjelaskan maksudnya tidak kurang dari satu (1) bulan notis bertulis kepada Institut.
- 12.2 Syarat dan kaedah yang dinyatakan dalam Subfasal Fasal 11.8 adalah terpakai bagi maksud bayaran perkhidmatan atau kemudahan (jika ada).

13. Latihan

Pekerja hendaklah, sekiranya didapati perlu oleh Institut, menjalani latihan sebelum atau semasa menjalankan tugas yang ditetapkan.

14. Cuti Rehat

- 14.1 Kadar kelayakan Cuti Rehat tahunan bagi Pekerja untuk tempoh satu (1) tahun adalah seperti jadual di bawah dan ditetapkan secara berkadar (*proportionate*).

BIL.	KUMPULAN PERKHIDMATAN	GRED	CUTI REHAT (HARI)
1	Kumpulan Pengurusan dan Profesional	41 – 54	25
2	Kumpulan Pelaksana	29 – 40	25
		1 – 19	20

- 14.2 Semua cuti rehat yang diperuntukkan bagi tahun semasa hendaklah dihabiskan pada tahun yang sama. Cuti Rehat yang tidak dapat dihabiskan pada tahun semasa tidak boleh dibawa ke tahun yang berikutnya.

15. Cuti Sakit

- 15.1 Lima belas (15) hari untuk tempoh satu (1) tahun kalendar dengan mengemukakan Sijil Sakit yang dikeluarkan oleh Pegawai Perubatan yang berdaftar.
- 15.2 Sekiranya Pekerja telah habis menggunakan kemudahan Cuti Sakit tetapi masih memerlukan masa untuk pulih, Pekerja boleh dipertimbangkan untuk tidak hadir bertugas **tidak melebihi empat puluh lima (45) hari** dengan syarat Pekerja mengemukakan Sijil Sakit yang dikeluarkan oleh Pegawai Perubatan yang berdaftar. Walau bagaimanapun, Pekerja tidak layak menerima bayaran perkhidmatan Pekerja dan apa-apa kemudahan bagi tempoh tersebut.
- 15.3 Sekiranya Pekerja tidak hadir bertugas melebihi tempoh enam puluh (60) hari setahun, perkhidmatan Pekerja akan ditamatkan.

16. Cuti Bersalin

Cuti Bersalin bergaji penuh **tidak melebihi enam puluh (60) hari untuk 3 kelahiran** sepanjang tempoh perkhidmatan di Institut.

17. Cuti Gantian

- 17.1 Kelulusan cuti gantian maksimum yang ditetapkan di Institut bagi setahun seperti berikut:

BIL.	KUMPULAN PERKHIDMATAN	GRED	CUTI GANTIAN (HARI)
1	Kumpulan Pengurusan dan Profesional	41 – 54	20
2	Kumpulan Pelaksana	29 – 40	15
		1 – 19	15

- 17.2 Cuti Gantian mesti dihabiskan dalam tempoh **enam (6) bulan** dari tarikh kelulusan (program dijalankan) dan akan luput sekiranya tidak dapat dihabiskan dalam tempoh yang ditetapkan enam (6) bulan dari program selesai dijalankan].
- 17.3 Penggunaan Cuti Gantian adalah tidak tertakluk kepada tahun semasa.
- 17.4 Pemberian Cuti Gantian adalah berdasarkan Arahan Pentadbiran ISN Bilangan 1 Tahun 2022 – Pindaan Penambahbaikan Peraturan Dan Syarat Pemberian Cuti Gantian Kepada Staf Lantikan Tetap dan Kontrak Bagi Kumpulan Pengurusan Dan Profesional dan Kumpulan Pelaksana Di Institut Sukan Negara yang berkuat kuasa dari semasa ke semasa (**Sila rujuk submodul Akta & Pekeliling di Sistem Pengurusan Sumber Manusia (SPSM)**).

18. Pekhidmat Awam

- 18.1 Pekerja, sepanjang menjalankan tugas di bawah Institut disifatkan sebagai seorang Pekhidmat Awam sepertimana dinyatakan oleh Seksyen 46 Akta Institut Sukan Negara 2011 (Akta 729). Namun oleh kerana pelantikan ini adalah secara kontrak, bayaran perkhidmatan tidak boleh disamakan dengan bayaran emolumen/gaji anggota Perkhidmatan Awam.
- 18.2 Pekerja tidak layak menggunakan perkhidmatan di bawah Perkhidmatan *Contract For Service* sebagai asas untuk menyokong permohonan supaya dilantik secara tetap, sementara atau kontrak (*Contract Of Service*).
- 18.3 Institut juga tidak berkewajipan untuk melantik Pekerja ke jawatan tetap, sementara atau kontrak (*Contract Of Service*) dalam Perkhidmatan Awam. Apa-apa permohonan bagi maksud itu perlu dibuat terus kepada Suruhanjaya atau Pihak Berkuasa Melantik berdasarkan kaedah serta peraturan yang berkuat kuasa sekiranya berhasrat untuk berkhidmat dalam Perkhidmatan Awam.

19. Penempatan Tempat Bertugas

Institut berhak menempatkan Pekerja di mana-mana bahagian/cawangan/unit atas kepentingan perkhidmatan.

20. Pemakaian undang-undang

Perjanjian ini hendaklah ditafsirkan mengikut dan dikawal oleh undang-undang Malaysia.

21. Notis

- 21.1 Jika dalam melaksanakan peruntukan-peruntukan Perjanjian ini satu notis diperlukan, notis itu hendaklah diberikan secara bertulis dan dihantar secara dengan tangan atau dengan pos berdaftar atau diserahkan ke alamat seperti berikut:

Bagi pihak Institut :

**Institut Sukan Negara Malaysia
Kompleks Sukan Negara
Bukit Jalil
57000 Kuala Lumpur**

Dan bagi pihak Pekerja :

(Alamat surat-menyurat seperti dalam surat tawaran dan setuju atau yang diberi)

- 21.2 Pekerja hendaklah memaklumkan kepada Institut secara bertulis sekiranya berlaku perubahan kepada alamat Pekerja dalam tempoh tujuh (7) hari dari tarikh perubahan itu.
- 21.3 Penghantaran notis ke alamat Pekerja yang diberikan mengikut fasal 21.1 atau apa-apa alamat lain dalam Subfasal 21.2 adalah disifatkan penyampaian yang sempurna bagi maksud Perjanjian ini.

22. Pindaan

Sebarang pindaan, tambahan dan perubahan kepada Perjanjian ini hendaklah dibuat secara bertulis dan dipersetujui oleh kedua-dua Pihak.

23. Masa

Masa apabila dirujuk adalah menjadi teras kepada Perjanjian ini.

24. Indemniti

Pekerja bersetuju untuk melindungi dan menanggung rugi Institut daripada semua jua kos, caj dan perbelanjaan yang ditanggung oleh Institut dalam apa-apa tindakan, guaman atau prosiding yang dibawa, dimulakan atau didakwa terhadap mereka yang timbul daripada apa-apa tindakan, perbuatan, perkara atau transaksi bagaimana jua dibuat, dilakukan atau dibenarkan oleh Pekerja dalam atau semasa pelaksanaan kewajipannya di bawah Perjanjian ini, yang secara keseluruhan atau sebahagian disebabkan oleh:-

- 24.1 pelanggaran Perjanjian ini oleh Pekerja;

- 24.2 pelanggaran mana-mana undang-undang atau peraturan yang berkaitan oleh Pekerja; dan
- 24.3 apa-apa tindakan, kecuai, kesilapan, peninggalan, atau salah laku sengaja oleh Pekerja berhubungan pelaksanaan kewajipan dan obligasinya di bawah Perjanjian ini, kecuali apa-apa kos, caj atau perbelanjaan sebagaimana yang disebabkan oleh pengingkaran sengaja Institut.

25. Hal-hal lain

- 25.1 Surat tawaran lantikan secara *Contract For Service* hendaklah menjadi sebahagian daripada Perjanjian ini.
- 25.2 Pekerja hanya layak mendapat bayaran perkhidmatan dan kemudahan seperti mana yang dinyatakan dalam Surat Tawaran Pelantikan secara *Contract For Service* dan Perjanjian ini sahaja.
- 25.3 Kos dan perbelanjaan bagi penyempurnaan serta duti setem yang berkaitan dengan Perjanjian ini hendaklah ditanggung dan dibayar oleh Pekerja.
- 25.4 Sekiranya terdapat mana-mana peruntukan dalam Perjanjian ini diputuskan sebagai sah atau bertentangan dengan sebarang undang-undang dan tidak boleh dikuat kuasakan, maka kesahan peruntukan lain dalam Perjanjian ini tidak akan terjejas serta akan dikuat kuasa dan dilaksanakan seterusnya.
- 25.5 Kegagalan Institut menguat kuasakan pada bila-bila masa atau untuk suatu tempoh atau lebih mana-mana syarat Perjanjian ini tidak akan menjadi penepian kepada terma dan syarat Perjanjian ini atau haknya pada bila-bila masa seterusnya untuk menguatkuasakan semua atau mana-mana terma dan syarat Perjanjian ini.

Pada menyaksikan perkara tersebut di atas, Pihak-Pihak Perjanjian ini telah menurunkan tandatangan dan meterai mereka masing-masing pada hari dan tahun yang tertera di atas.

Ditandatangani untuk dan bagi pihak)

INSTITUT SUKAN NEGARA)

MALAYSIA)

di hadapan:-)

)

)

.....)

(Saksi))

Nama:)

No. K.P)

.....

Nama:

No. K.P.:

Ditandatangani oleh **PEKERJA**)

di hadapan :-)

)

)

.....)

(Saksi))

Nama:)

No. K.P)

.....

Nama:

No. K.P.: